

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 23 JUN 2008, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 19

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1212-L13346
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
 - (a) apakah syarat-syarat serta kriteria yang diperlukan untuk memasuki Institusi Perguruan bagi pelajar lepasan SPM di mana ramai pelajar yang mendapat keputusan cemerlang gagal untuk memasuki ke institusi berkenaan; dan
 - (b) berapakah peratusan kuota pelajar yang telah memasuki institusi ini semenjak ianya ditubuhkan.
2. PR-1212-L14124
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar keadaan inflasi dan kenaikan barang makanan yang tinggi pada masa kini, serta paras garis kemiskinan (PGK) sekarang diletakkan pada RM800 ke bawah terlampau rendah dan tidak munasabah untuk membiayai satu keluarga, bolehkah EPU memberi kadar peratusan kemiskinan di setiap negeri-negeri di Malaysia jika PGK dinaikkan kepada RM1,500.
3. PR-1212-L12780
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimanakah Kementerian boleh menyedarkan dan mendapat kerjasama daripada semua pihak seperti Majlis Tindakan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan JKKK dalam usaha untuk memantau dan mengawal kenaikan harga barang dan pada masa yang sama mengajak rakyat agar tidak membazir.
4. PR-1212-L14395
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rancangan Kerajaan dalam menangani risiko kekurangan makanan sedunia dan tindakan yang akan diambil demi menjaga kepentingan rakyat khususnya golongan tidak berada di negara kita.

5. PR-1212-L12941
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang keberkesanan program pemulihan penagihan dadah di Pusat-pusat Serenti seluruh negara.
6. PR-1212-L14402
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia mengkaji semula pendekatan Islam Hadhari yang dikecam oleh para ulama yang menyifatkannya bertentangan dengan ajaran Islam.
7. PR-1212-L13858
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Bank Negara mengawal kadar fedah pinjaman antara bank di negara ini dan kaitannya dengan kaedah Bank Negara mengawal kadar inflasi di negara ini.
8. PR-1212-L14260
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa banyak aliran keluar Pelaburan Langsung Asing pada tahun 2007 dan apakah faktor- faktornya.
9. PR-1212-L12884
Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa lama pesakit kena tunggu untuk mendapat rawatan di hospital Kerajaan dan bagaimana dengan perkhidmatan hospital swasta. Baru-baru ini, terdapat pesakit yang mengadu bahawa mereka terpaksa menunggu hingga 3 jam untuk mendapat perkhidmatan seperti x-ray di hospital swasta.
10. PR-1212-L14029
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah anggota polis dalam negara ini mengikut pangkat dan agihan mereka mengikut negeri.
11. PR-1212-L14244
Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang atau bersedia untuk mempertingkatkan usaha piawaian perkhidmatan awam melalui penubuhan Ombudsman sebagai satu institusi bebas untuk menerima dan menyelesaikan aduan-aduan orang awam.
12. PR-1212-L14449
Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah kompleks sukan komuniti yang dilaksanakan oleh Kerajaan mengikut negeri di seluruh negara.
13. PR-1212-L13239
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kadar kemalangan di jalan raya terutama di musim perayaan pada tahun 2003, 2004, 2005, 2006 dan 2007 mengikut negeri dan berapakah kos promosi mencegah kemalangan pada setiap tahun.

14. PR-1212-L13589
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana Jawatankuasa Kabinet Membendung Inflasi dapat mengatasi inflasi di negara ini. Adakah beliau sedar bahawa rakyat memang mengalami kesusahan akibat kenaikan harga barang-barang yang berbeza dengan kadar inflasi rasmi.
15. PR-1212-L13824
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) siapa yang menyediakan pendapat undang-undang (legal opinion) untuk Kerajaan Malaysia di dalam kes Pulau Batu Puteh di Mahkamah Keadilan Antarabangsa; dan
 - (b) sama ada telah terdapat pertimbangan mendalam tentang sama ada pihak Malaysia mempunyai bukti yang cukup untuk dikumpulkan.
16. PR-1212-L13110
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah keberkesanannya Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dalam mengurangkan kadar kemiskinan bagi dua tahun yang lalu di Sabah; dan
 - (b) berapakah jumlah keluarga di Tawau yang telah mendapat manfaat daripada program tersebut dengan angka analisis mengikut kumpulan kaum.
17. PR-1212-L14229
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butir-butir perbelanjaan subsidi harga minyak dan gas berjumlah RM 45 bilion seperti yang dikemukakan oleh Kerajaan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan subsidi dan pada masa yang sama tidak membebankan rakyat yang miskin.
18. PR-1212-L13998
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kos pengangkutan kargo dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak bagi menyeragamkan harga barangan di seluruh negara.
19. PR-1212-L13157
Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana Kerajaan menjalankan usaha-usaha menyediakan rumah untuk pasangan muda yang telah berumahtangga khususnya bagi kawasan bandar, untuk mengurangkan tekanan hidup dan masalah sosial khususnya yang berpendapatan rendah.

20. PR-1212-L12972
Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah cadangan projek lebuh raya pantai dari Port Dickson ke Melaka hingga ke Muar akan dilaksanakan. Berapa kos projek yang terbabit dan berapa ramai kontraktor kelas F yang akan mendapat peluang dari projek tersebut.
21. PR-1212-L14496
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang terkini Kerajaan-kerajaan negeri kepada pusat dan jumlah hutang terkini negara kepada semua sumber luar.
22. PR-1212-L13402
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keuntungan yang dicatatkan oleh Petronas dari tahun 2000-2007 dan dari mana kebanyakan keuntungan Petronas diperolehi mengikut 'geographical segment' dan 'product segment' bag tempoh tersebut.
23. PR-1212-L13158
Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan dan peratusan staf akademik mengikut etnik di IPTA dan jumlah jawatan Dekan dan Ketua Jabatan yang disandang oleh kaum bukan Bumiputera.
24. PR-1212-L13656
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah Jabatan Peguam Negara masih belum membuat keputusan terhadap representasi yang telah dibuat oleh syarikat G-Gold memandangkan pelanggan-pelanggan G-Gold telah berpuas hati untuk mengadakan penyelesaian di antara G-Gold dengan mereka.
25. PR-1212-L14117
Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [Batu Pahat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah laluan maut dan status menaik taraf lorong maut dan lorong-lorong motosikal di Semenanjung. Nyatakan kos dan pecahannya mengikut negeri.
26. PR-1212-L14135
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan tahap profesionalisme RELA memandangkan begitu banyak aduan rakyat bahawa anggota RELA telah menyalah gunakan kuasa mereka termasuk yang diiktiraf oleh Suhakam.
27. PR-1212-L13504
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan jangka masa panjang untuk Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di Ipoh.
28. PR-1212-L14196
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian akan mengkaji semula Akta Polis 1967, terutamanya seksyen 27 yang tidak menyatakan kriteria dan panduan kepada syarat-syarat yang diperlukan untuk mendapatkan permit perhimpunan dan undang-undang pencegahan bagi mencerminkan piawaian antarabangsa.

29. PR-1212-L13572
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan dalam kita mempromosi penanaman produk pertanian bagi mengatasi masalah bekalan makanan, adakah Kementerian menilai tindakan yang diambil oleh agensi-agensi berkaitan supaya kita mengetahui status terkini mengenai perancangan 'food security' Kerajaan.
30. PR-1212-L13518
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pendekatan yang di ambil bagi menarik perhatian kaum bukan bumiputera untuk menyertai aktiviti atau program yang dianjurkan oleh Kementerian di peringkat negeri dan negara.
31. PR-1212-L12916
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah Kementerian sedar bahawa selain Genting Highlands di negara ini terdapat rumah-rumah judi berlesen yang beroperasi dengan menyamar sebagai kelab rekreasi dan sukan, sedangkan ianya dimiliki oleh individu atau sekumpulan individu; dan
 - (b) bagaimana kelab-kelab seperti ini boleh mendapat lesen khususnya Jackpot.
32. PR-1212-L14078
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penagih dadah wanita mengikut setiap negeri dan apakah usaha-usaha Kerajaan bagi membendung gejala tersebut.
33. PR-1212-L14388
Tuan Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah perbelanjaan jutaan ringgit bagi membina Dataran Warisan KADA di Kok Lanas Kelantan dapat menyumbang ke arah mempertingkatkan pendapatan petani di kawasan sekitar.
34. PR-1212-L13555
Datuk Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah pendatang-pendatang asing yang berada di Malaysia dan adakah wujud satu sistem database atau profil bagi setiap individu.
35. PR-1212-L14463
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan ingin menggubal undang-undang bagi menghadkan tempoh untuk dua penggal bagi seseorang menjadi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri. Jika ya, bilakah undang-undang in akan dilaksanakan.

36. PR-1212-L14012
Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bajet 2008 dan RMK-9 serta peratusannya untuk pembangunan luar bandar dibandingkan pembangunan bandar serta jenis-jenis pembangunan yang utama dan jumlahnya untuk kedua-dua kawasan tersebut serta jangka masa ianya akan diselesaikan.
37. PR-1212-L13897
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kenapa Datuk Esa Mohamed dilantik sebagai pengerusi "Public Opinion Hearing Committee" dalam draf pelan bandar KL 2020 sedangkan beliau seorang ahli penasihat DBKL dan diupah sebagai perunding dalam cadangan draf pelan ini, apakah kemungkinan "conflict of interest" dan kenapa tiada calon lain.
38. PR-1212-L14065
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah bentuk insentif yang lebih baik berbanding dengan sedia ada bagi menarik minat pelabur dalam usaha kita meningkatkan FDI.
39. PR-1212-L14573
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjung Manis] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) bilangan kanak-kanak yang tidak dapat menghadiri sekolah kerana kekurangan bilik darjah mengikut peringkat umur 7 hingga 17 tahun bagi setiap negeri dari tahun 2002-2007; dan
 - (b) jika terdapat kekurangan bilik darjah daripada yang dirancang, apakah sebab-sebabnya.
40. PR-1212-L13445
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan syarikat bas ekspres yang menyediakan perkhidmatan dari Utara, Barat dan Selatan Semenanjung ke Kuala Terengganu dan sebaliknya pada tahun 2007 dan sehingga Mei 2008.
41. PR-1212-L14374
Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kenapakah tidak dikenakan potongan untuk isteri yang masih bersama apabila memilih untuk taksiran berasingan bagi cukai pendapatan mereka, dan jika ya atas asas apakah perkiraan taksiran itu dibuat.
42. PR-1212-L13950
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan untuk memastikan produk kraf Malaysia mendapat tempat di peringkat antarabangsa.

43. PR-1212-L13357
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk menubuhkan mahkamah anak negeri di Wilayah Persekutuan Labuan memandangkan ramai bilangan kaum Kadazan Dusun yang bermastautin di pulau tersebut.
44. PR-1212-L14312
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Petronas membeli satu lagi kilang pengeluaran minyak pelincir dari luar negara walaupun telah memiliki sebuah di Melaka. Berapakah kos pembeliannya dan kenapa membelinya melalui agen.
45. PR-1212-L12931
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kementerian menangani isu 'HALAL' yang digunakan secara haram oleh pihak yang tidak berkelayakan memandangkan ia menyentuh sensitiviti rakyat Malaysia yang mementingkan kandungan makanan yang diambil dan apakah hukuman yang diberikan kepada pihak yang menggunakan label halal yang tidak mendapat pengesahan dari Kerajaan.
46. PR-1212-L13366
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah kali terakhir Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas diubahsuai, adakah cadangan berbuat demikian memandangkan ia dalam keadaan uzur, tandasnya tidak elok dan jenis "cangkung" yang tidak digemari pelancong Negara-negara barat dan kalau ya, apakah kos dan bilakah pengubahsuaian dibuat.
47. PR-1212-L13386
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mewujudkan mahkamah keluarga memandangkan semakin banyak perkahwinan dan keluarga menghadapi masalah dan memerlukan campur tangan undang-undang dan mahkamah keluarga dianggap paling sesuai untuk menguruskan perkara-perkara jenis ini.
48. PR-1212-L12877
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga tahun 2007 berapakah jumlah pengedar-pengedar dadah yang telah ditangkap dan dikenakan tindakan undang-undang dan berapakah jumlah/nilai harta pengedar-pengedar ini yang telah dirampas.
49. PR-1212-L13058
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah projek memanjangkan landasan lapangan terbang Pengkalan Chepa akan dimulakan serta pembinaan Pelabuhan akan dilaksanakan di Kelantan.
50. PR-1212-L13217
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperkasakan Institusi Fatwa melalui penyelarasan dengan institusi akademik yang mampu menjadi panduan kepada umat Islam dalam perkembangan terkini yang mencabar.

51. PR-1212-L13721
Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah Kolej Komuniti mengikut negeri dan jurusan yang ditawarkan; dan
 - (b) berapakah jumlah penuntut sejak ianya ditubuhkan dan telah mendapat pekerjaan.
52. PR-1212-L12865
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan menyatakan bilakah Kementerian mengambil tindakan untuk memelihara, baik pulih dan membuat restorasi Kubu Alice sebagai satu warisan untuk tarikan pelancongan di Sri Aman.
53. PR-1212-L13838
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan memandangkan Kuala Lumpur menghadapi masalah banjir, kesesakan dan pencemaran yang parah, jelaskan bagaimana Kuala Lumpur dikehendaki menampung 600,000 lebih penduduk seperti yang diharapkan oleh Pelan Draf Kuala Lumpur sementara infrastruktur yang sedia ada belum lagi memenuhi keperluan penduduk semasa.
54. PR-1212-L13332
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah dasar baru dicadangkan iaitu prasyarat memegang jawatan Majistret diperlukan mengamal undang-undang/berkhidmat di Jabatan Peguam Negara sekurang-kurangnya 5 tahun; dan
55. PR-1212-L12824
Tuan Ahmad bin Kassim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negara dan jumlah PPK yang gagal mencapai tahap piawaian yang ditetapkan dan apakah usaha-usaha untuk memulihkannya.
56. PR-1212-L13161
Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Klinik Desa di Daerah Lubok Antu akan dibina memandangkan keperluannya amatlah mendesak kerana keadaan klinik desa yang ada pada masa sekarang sudah daif dan tidak sesuai bagi pesakit-pesakit untuk mendapatkan rawatan.
57. PR-1212-L13472
Datuk Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bolehkah kawasan sawah di Ban Merbok daerah Tanjong Dawai dimajukan sistem perairannya supaya tanaman dua kali setahun dapat dilaksanakan.

58. PR-1212-L13474
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan konsep serta kejayaan program pembangunan pertanian bersepadu (IADA). Bolehkah program ini dilaksanakan di daerah Ranau, Tambunan, Tenom, Keningau, Kota Merudu, Kota Belud, Pitas, Papar, Beluran, Tuaran dan Beaufort dalam masa terdekat di Sabah.
59. PR-1212-L13716
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status Perancangan Pembinaan jalan raya Pan Borneo.
60. PR-1212-L13020
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi mewujudkan sebuah Suruhanjaya Perlantikan Hakim-hakim. Apakah kaedah ini praktikal sedangkan, di Amerika Syarikat dan United Kingdom cadangannya datang daripada Perdana Menteri. Apakah kelemahan sistem yang ada selama ini dan dengan mendedahkan kelemahannya apakah ia akan memberikan imej baik kepada sistem kehakiman negara.
61. PR-1212-L14609
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapakah had laju di Lebuhraya Utara-Selatan bermula dari persimpangan Simpang Ampat / Tampin hingga ke Persimpangan Ayer Keroh, Melaka hanya 90 km / jam tidak 110 km / jam.
62. PR-1212-L13848
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah keseluruhan kutipan derma yang telah diserahkan oleh pihak-pihak akhbar kepada "Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri" untuk membantu mangsa-mangsa bencana ribut salji (*Blizzard*) di China pada bulan Februari dan sama ada derma-derma yang dikumpul bersama dengan janji US\$1 juta oleh Perdana Menteri telah diserahkan kepada Kedutaan China. Jika sudah, bila dan jika belum, kenapa.
63. PR-1212-L12910
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan syarikat yang diberi kontrak pembelian dakwat kuku, nilainya dan harga jualan semula oleh SPR. Bilakah Perkara 118 dan 119 Perlembagaan Persekutuan dan peraturan yang berkaitan akan dipinda bagi memastikan dakwat boleh digunakan pada pilihan raya.
64. PR-1212-L14217
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan warga bukan Bumiputera berasa tidak adil semasa pengambilan kakitangan awam baru, bagaimanakah Kerajaan memperbaiki ketidakadilan ini agar kadar pengambilan kakitangan awam dapat menggambarkan negara kita sebagai negara berbilang kaum.

65. PR-1212-L13799
Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memberi kelonggaran kepada Menteri Besar Kedah, EXCO Pelajaran Kedah dan Ahli-ahli Parlimen Kedah untuk sama-sama mengiringi DYMM Sultan Kedah dalam upacara rasmi Kerajaan di sekolah-sekolah dan Maktab-maktab Perguruan di Kedah. Jika ia boleh diberikan, bolehkah Menteri memaklumkan kelonggaran ini kepada Jabatan Pendidikan Kedah.
66. PR-1212-L13061
Tuan Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapa kawasan Sibuti tidak diletak dalam perancangan penanaman padi memandangkan kawasan Sibuti seperti Paya Selanyau dan Bungai Mumong merupakan tapak projek penanaman padi yang telah diusahakan pada masa dahulu.
67. PR-1212-L13190
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang telah menerima pinjaman PTPTN pada tahun 2007 dan senaraikan mengikut pecahan kaum.
68. PR-1212-L13455
Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapa jumlah laman blog yang wujud di negara ini dan senaraikan jumlah laman blog tersebut mengikut kategori.
69. PR-1212-L14110
Datuk Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) sekurang-kurangnya lima sebab utama mengapa banyak kawasan pelancongan berpantai atau pesisir pantai kini ada tanda-tanda mengalami kemerosotan kedatangan pelancong; dan
 - (b) strategi dan perancangan bagi memastikan peningkatan kemajuan tahap industri pelancongan di kawasan-kawasan tersebut.
70. PR-1212-L13891
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah kes membawa hukuman mati di peringkat perbicaraan dan menanti perbicaraan setakat 1 Jun 2008 mengikut butiran kesalahan; dan
 - (b) jumlah hukuman mati yang telah dilaksanakan terhadap tahanan mengikut jantina atas kesalahan dadah sehingga 1 Jun 2008.

71. PR-1212-L13580
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada tahap ketelusan dapat dipertingkatkan bersabit Jawatankuasa Pemandu (JKP) Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera (BPPB) yang mensyaratkan sumbangan wang daripada pemaju sebelum *Certificate of Fitness for Occupation* (CFO) dapat dikeluarkan untuk projek perumahan.
72. PR-1212-L13671
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sebagai sektor ketiga terpenting dalam pertumbuhan ekonomi negara, bagaimanakah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan memainkan peranan dalam usaha Kementerian untuk memartabatkan koperasi ke arah memperkukuhkan sektor ini supaya lebih mampan, stabil dan teratur dalam urusan pentadbiran, aktiviti dan perniagaan.
73. PR-1212-L14560
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan oleh kerana kebanyakan bangunan-bangunan sekolah rendah di pedalaman Sarawak termasuk di kawasan Parlimen Serian uzur, nyatakan rancangan Kementerian untuk menggantikan atau sekurang-kurangnya membaik pulih bangunan-bangunan tersebut.
74. PR-1212-L12979
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan rakyat asing khususnya Filipina yang berada di negara kita khususnya di Sabah dan jumlah mereka yang telah mendapat kerakyatan Malaysia termasuk rakyat dari Indonesia.
75. PR-1212-L12841
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah wang yang digunakan untuk iklan-iklan termasuk iklan televisyen seperti ESPN dalam masa lima tahun yang lalu dan keberkesanannya.
76. PR-1212-L13298
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar dan universiti asing yang telah menjayakan pakej *Edu-Tourism* dengan tujuan memperluas dan melipatgandakan usaha memasar dan mempromosikan pendidikan Malaysia.
77. PR-1212-L13676
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan dari 1 Januari 2007 hingga 30 Jun 2008, berapakah kos lawatan ke luar negara promosi pelancongan dan berapa ramaikah pelancong asing yang melawat Malaysia pada tahun yang sama.
78. PR-1212-L14553
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah tarikh pelaksanaan dan bilangan pengambilan Kursus Dalam Cuti (KDC) untuk Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) bagi tahun 2008 dan apakah persediaan pihak BPG untuk menjalankan latihan dalam dwi opsyen iaitu Pengajian Cina dan Pengajian Melayu.

79. PR-1212-L13405
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memansuhkan sistem bantuan bagi SJK(C) dan (T), dan digantikan dengan sistem baru yang meliputi bayaran elektrik, air dan pementungan yang kini ditanggung oleh Lembaga Pengelola Sekolah dan PIBG.
80. PR-1212-L13273
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan penjawat mengikut bangsa bagi kategori Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Sektor, Pegawai Pelajaran Gabungan dan Pegawai Pelajaran Daerah yang terdapat di dalam Jabatan Pelajaran Sabah.
81. PR-1212-L13128
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan Kerajaan ke atas anak-anak Filipina yang dikenali sebagai "stateless children" yang terlibat dengan pelbagai masalah sosial sebelum media-media barat menggembar-gemburkan isu ini dan merosakkan imej negara kita.
82. PR-1212-L13383
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan strategi yang dipakai untuk menarik pelaburan dalam sektor yang mempunyai rantaian nilai lebih tinggi, seperti yang telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan adakah usaha tersebut telah menghasilkan kejayaan seperti yang dirancang.
83. PR-1212-L13029
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah balai Bomba Banting Kuala Langat boleh dinaik taraf dari gred C kepada gred A memandangkan pembangunan pesat di sektor perkilangan dan perumahan yang begitu pantas dan pastinya Balai Bomba yang dikatogerikan gred C ini tidak mampu untuk mencegah dan mengawal sekiranya sesuatu bencana berlaku.
84. PR-1212-L13535
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai daftar pemilih bagi nama-nama yang wujud dalam tahun 2004 bernombor kad pengenalan lama telah dikeluarkan dalam tahun 2006 tetapi telah dimasukkan semula pada tahun 2008 bernombor kad pengenalan baru dan lama.
85. PR-1212-L13847
Datuk Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang telah dilakukan oleh syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) dalam usaha melahirkan peniaga-peniaga Bumiputera dan seterusnya mendorong dan membantu mereka menjadi peniaga yang benar-benar berjaya.
86. PR-1212-L13263
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang melaksanakan aktiviti hiliran dan 'supply base' di Kelantan untuk menyokong aktiviti eksplorasi gas/minyak di kawasan JDA (Joint Development Authority).

87. PR-1212-L13960
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah rasional bagi Kementerian untuk mewujudkan tol di Taman Medan bagi New Pantai Expressway (NPE) di mana jalan yang sedia ada hanya dinaik taraf dan bukannya pembinaan jalan yang baru.
88. PR-1212-L13859
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan-tindakan Kerajaan untuk berusaha mewujudkan negara Palestin yang viable dalam kadar segera.
89. PR-1212-L13581
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)) telah diwartakan supaya semua jentera dan perancangan NCER dapat digerakkan tanpa sebarang kelewatan.
90. PR-1212-L13753
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan projek meluruskan jalan di Kampung Kelewek yang telah diluluskan dalam RMK-9 sebanyak RM5.28 juta telah diperuntukan pada tahun 2006 hanya RM300,000.00 disalurkan setakat ini, tetapi mengapa masih belum ada apa-apa kemajuan.
91. PR-1212-L13789
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan murid di Sekolah Rendah Kebangsaan Jenis Cina & Tamil bertambah sebanyak 300% sejak tahun 1995 di Nibong Tebal, adakah Kementerian mengambil usaha untuk membenarkan pembinaan SRJK(C) dan SRJK (T) yang baru di kawasan itu.
92. PR-1212-L14100
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar SPM 10A dalam 2007 dan jumlah biasiswa JPA yang ditawarkan. Adakah semua pelajar yang mendapat 10A berjaya mendapat biasiswa tersebut. Kalau tidak, mengapa.
93. PR-1212-L14180
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membayar pampasan kepada penghuni yang menetap di atas tanah KTM sepanjang Gurun hingga ke Alor Setar.
94. PR-1212-L13466
Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan peruntukan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) merangkumi jumlah, sumber kewangan dan bila dijangka siap sepenuhnya.
95. PR-1212-L13240
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapakah bilangan pemotongan bekalan air di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya pada tahun 2007 dan lima bulan pertama tahun 2008 termasuk pendapatan (revenue) daripada pemotongan air.

96. PR-1212-L13351
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan diambil ke atas Pengerusi SPR bahawa beliau diarahkan oleh Kabinet untuk membatalkan "celup jari" 4 hari sebelum pembuangan undi dan bahawa bersama dengan Peguam Negara dan Ketua Polis Negara telah menipu rakyat bahawa sebab keselamatan memerlukan pembatalannya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna** mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 27 (3) Dewan ini mengambil ketetapan berikut:

“Bahawa Dewan ini,

Prihatin akan kenaikan mendadak harga minyak, makanan dan komoditi lain di pasaran dunia, yang merupakan fenomena global di luar kawalan Kerajaan.

Menyedari bahawa fenomena kenaikan harga ini membawa impak negatif yang besar kepada kesejahteraan rakyat serta kemajuan ekonomi negara.

Memahami dan menyokong langkah Kerajaan untuk menstruktur sistem subsidi minyak dan gas yang menjejaskan kewangan Kerajaan dan tidak dapat ditanggung tatkala harga minyak di pasaran global terus meningkat tinggi, agar beban ke atas ekonomi negara dapat dikurangkan dan subsidi dapat diagihkan dengan lebih saksama kepada mereka yang benar-benar memerlukannya yakni golongan miskin dan berpendapatan rendah dan sederhana.

Menyokong langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan beban ke atas rakyat yang disebabkan oleh kenaikan harga minyak, makanan dan komoditi, agar kesejahteraan hidup rakyat terus terjaga.

Menyedari keazaman dan usaha Kerajaan untuk terus mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dan memperjuangkan agenda pembangunan nasional, walaupun persekitaran di peringkat global semakin mencabar.

Bahawa Dewan yang mulia ini menyeru kesemua lapisan rakyat Malaysia termasuk pekerja dan pengusaha agar tabah dan bersatu padu dalam menghadapi cabaran global ini serta memelihara keamanan, kestabilan dan kesejahteraan kita bersama”.

- | | | | |
|----|---------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 1/2008) | Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 3. | (D.R. 7/2008) | Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2008 | “ |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R. 2/2008) | Rang Undang-undang Geologi 2008 | “ |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar] | |

5. (D.R. 4/2008) Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Pindaan) 2008 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Pelancongan]

6. (D.R. 6/2008) Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2008 “

[Menteri Pendidikan]

7. Perdana Menteri mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27 (3) Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan pencapaian matlamat sosioekonomi yang baik semasa awal pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan meskipun ekonomi Malaysia terus berhadapan dengan pelbagai ketidaktentuan terutamanya kenaikan harga minyak petroleum mentah dunia;

merestui usaha Kerajaan bagi melaksanakan Misi Nasional untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju;

meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang teguh dan bersatu padu seperti di bentang dalam Kertas Perintah CMD 8 Tahun 2008;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman yang teguh dan terus menyokong Kerajaan untuk membina Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

8. PR-1212-U12759

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Second Hand Dealers Act yang diamalkan di Semenanjung belum lagi dipanjangkan ke negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa dengan ketiadaan Akta ini, para peniaga besi buruk di Sabah hanya perlu mendapatkan lesen mereka daripada Pihak Berkuasa Tempatan sahaja. Dan mengambil maklum bahawa, rakan niaga mereka di Semenanjung yang dikawal oleh Akta ini hanya mendapat lesen mereka setelah permohonan dan premis mereka diperiksa serta transaksi perniagaan mereka secara terperinci oleh pihak polis. Dan mengambil maklum bahawa akhir-akhir ini, banyak kejadian buruk yang merugikan bukan sahaja rakyat tetapi negara, di negeri Sabah seperti keruntuhan tiang elektrik voltan tinggi, kehilangan kabel elektrik dan telefon. Dan mengambil maklum bahawa, tindakan undang-undang yang di ambil kepada para penjenayah tersebut adalah terbatas kerana pihak polis hanya bergantung dengan Local By-Laws. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memanjangkan second hand dealers acts ke negeri Sabah dengan kadar yang segera, agar kegiatan mencuri besi buruk dapat dibendung dan dihapuskan."

[Menteri Dalam Negeri]

9. PR-1212-U12760

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, kita kerap mendengar laporan serta keluhan mengenai dengan keruntuhan moral di kalangan muda-mudi kita, terutama sekali dalam kegiatan maksiat, jenayah dan penagihan dadah. Dan mengambil maklum bahawa Kerajaan melalui pelbagai agensi dan Jabatannya telah menjalankan banyak aktiviti dan kempen bagi mengatasi dan membendung masalah yang dimaksudkan di atas namun keberkesanannya kurang dirasai. Dan mengambil maklum bahawa pihak-pihak lain yang bernaung di bawah Badan keagamaan dan badan bukan Kerajaan juga boleh memainkan peranan mereka bagi mengatasi dan membendung masalah di atas. Namun kegiatan mereka selalunya terhad kerana ketiadaan dana untuk melaksanakan dan menjayakan program yang dirancang. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan dana yang cukup kepada Badan-badan yang dimaksudkan di atas agar kita bersama dapat mengatasi masalah ini."

[Menteri Belia dan Sukan]

10. PR-1212-U12761

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara digemparkan dengan isu kekurangan barang makanan terutama sekali beras, di mana pihak Kerajaan terpaksa campur tangan bagi memastikan bekalan adalah mencukupi. Dan mengambil maklum bahawa negeri Sabah dan Sarawak mempunyai keluasan tanah yang mencukupi bagi maksud penanaman padi yang sekurang-kurangnya boleh menambah rizab beras negara. Dan mengambil maklum bahawa selain daripada tanah sawah, negeri Sabah dan Sarawak juga mempunyai tanah yang dengan kecerunan di bawah 25 % yang boleh ditanam dengan beras bukit misalnya beras Bario yang sememangnya terkenal di Sabah, Sarawak dan Brunei. Dan mengambil maklum juga bahawa disetengah kawasan di negara China, misalnya mereka mengusahakan penanaman padi bukit di kawasan yang kecerunannya melebihi 25%. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggalakkan dan memberikan subsidi bagi penanaman padi bukit di negeri Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan lagi bekalan dan rizab bekalan beras negara."

[Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]

11. PR-1212-U13628

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini membincangkan dasar kedaulatan makanan termasuk beras. Bahawa Dewan ini ingin tahu apa sebenarnya 70% mampu diri mengenai beras dan usaha untuk membuka lebih banyak tanah untuk tanaman padi."

[Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]

12. PR-1212-U13630

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendak membahaskan perubahan dasar subsidi termasuk beras dan diesel. Dewan juga mahu mendebatkan cara-cara yang digunakan untuk memastikan golongan yang layak dapat menikmati subsidi dan penyelewengan dapat diatasi."

[Perdana Menteri]

13. PR-1212-U13693

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung televisyen sepenuhnya bagi sidang Dewan Rakyat supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

[Menteri Penerangan]

14. PR-1212-U13695

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

15. PR-1212-U13697

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

16. PR-1212-U13699

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

[Perdana Menteri]

17. PR-1212-U13700

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya Diraja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

[Perdana Menteri]

18. PR-1212-U12997

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian dan memandang serius agar pihak Badan Pencegah Rasuah menubuhkan satu cawangan khas untuk mengendalikan perkara yang tidak ada rasuah terbabit tetapi pihak pegawai sengaja melambat-lambatkan proses pelaksanaannya. Contohnya, sesuatu kerja tidak dapat dijalankan disebabkan sesuatu badan/agensi yang melambat-lambatkannya untuk di proses."

[Perdana Menteri]

19. PR-1212-U12998

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum dan memandang serius terhadap peningkatan penduduk Malaysia khususnya di Sabah yang meningkat secara mendadak sehingga jauh lebih tinggi berbanding di negeri-negeri lain di Malaysia, contohnya seperti Malaysia 10,439,430 pada tahun 1970 dan 22,202,614 pada tahun 2000 peratus kenaikannya sebanyak 113%, Sarawak 976,269 pada tahun 1970 dan 2,012,616 pada tahun 2000 peratus kenaikannya sebanyak 106/% dan Sabah 636, 431 pada tahun 1970 dan 2,449,389 pada tahun 2000 peratus kenaikannya ialah sebanyak 285%. Bagaimana penduduk Sabah melambung naik sehingga 172% lebih tinggi daripada peratus kenaikan penduduk seluruh negara kita."

[Perdana Menteri]

20. PR-1212-U13536

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di semua Majlis/Dewan Bandaraya dan Majlis Perbandaran seluruh Negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan bagi maksud tersebut supaya kuasa perwakilan rakyat di dalam Kerajaan tempatan dikembalikan semula selaras dengan amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijemakan dalam keputusan Pilihan Raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

21. PR-1212-U13538

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membina sebuah Muzium Memperingati Kapitan Yap Ah Loy bagi mengenang jasa mendiang sebagai pembuka dan Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur untuk tatapan masyarakat Malaysia dan antarabangsa."

[Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan]

22. PR-1212-U13050

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat resolusi untuk mengambil tindakan terhadap kemasukan pendatang asing yang terlalu ramai sehingga tidak dapat dikawal dan menjejaskan sektor pekerjaan dan sosial."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1212-U13053
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membuat resolusi untuk mendesak Kerajaan supaya menarik balik pindaan Akta Hubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959. Sekiranya ia tidak dipinda ia akan memberikan kesan yang tidak adil bagi kaum pekerja di negara ini."

[Menteri Sumber Manusia]

24. PR-1212-U13331
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, Pengerusi SPR dan panel-panel SPR yang lain meletak jawatan akibat daripada tindakan membatalkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya lepas dan tiada penjelasan yang kukuh bagi membatalkan sehingga kini. Selain itu, kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri dan Pengerusi SPR adalah bercanggah. Pengerusi SPR juga melakukan pengecualian dalam proses pendaftaran pemilih serta tiada penjelasan diberikan. Dewan ini mendesak supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan bagi menyiasat SPR dan mengadakan public hearing bagi mengembalikan ketelusan dan keyakinan kepada rakyat."

[Perdana Menteri]

25. PR-1212-U12800
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

" Bahwa dewan ini mendesak Menteri Pengajian Tinggi supaya mendedahkan kepada orang awam proses perlantikan pensyarah-pensyarah di Institut-Institut Pengajian Tinggi Awam Negara."

[Menteri Pengajian Tinggi]

26. PR-1212-U12802
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

" Bahawa dewan ini meminta Kerajaan Malaysia supaya meningkatkan pengambilan calon-calon dari golongan bukan Bumiputera di sektor pekerjaan awam."

[Perdana Menteri]

27. PR-1212-U13880
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibahas di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. "

[Menteri Pertahanan]

28. PR-1212-U14379
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sumber bahan api seperti petroleum dan gas telah mengalami kenaikan harga yang semakin melambung dan rizab negara bahan ini akan kehabisan dalam tempoh 20 tahun. Dewan ini berpandangan bahawa Kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang progresif dan proaktif untuk memastikan bahawa negara ini tidak akan mengalami kekurangan bahan api dan mencari sumber alternatif yang mudah diganti renewable resources dengan secepat mungkin. Dewan ini mendesak supaya PETRONAS menerajui usaha-usaha untuk mencari sumber alternatif seperti biofuel dan bioethanol daripada sumber-sumber pertanian seperti sweet potato, jagung, sweet sorghum, tebu dan menghasilkan bahan api ini dengan skala besar. Dewan ini juga menggesa PETRONAS supaya berhenti daripada menerokai bidang-bidang yang bukan core competency mereka seperti membina hospital lima bintang Prince Court Medical Centre dan membina dewan muzik filharmonik dan menggaji pemuzik-pemuzik luar negara, di mana perkara-perkara ini merupakan perbelanjaan yang membazir yang hanya memberi keuntungan atau manfaat kepada segolongan kecil rakyat negara ini."

[Perdana Menteri]

29. PR-1212-U14020
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 dimana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

[Menteri Luar Negeri]

30. PR-1212-U14024

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkaji dalam penubuhan Penguat Kuasa Pengangkutan Awam Kebangsaan National Public Transport Authority (NPTA) untuk menyeragamkan pengangkutan awam di bandar dan antara bandar. Dewan ini berpandangan bahawa badan ini akan mengambil tanggungjawab dalam perancangan, pemantauan dan pembaikan sistem pengangkutan awam di jalan raya."

[Menteri Pengangkutan]

31. PR-1212-U14031

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum dan sedar mengenai isu yang berkaitan dengan air khususnya berkaitan dengan jumlah penggunaan keperluan air, kesedaran mengenainya dan konservasinya. Justeru, adalah penting bagi Dewan ini mengkaji dalam penggubalan dasar-dasar yang bersangkutan paut dengan permasalahan yang dinyatakan itu. Dasar ini nanti akan menjadi rujukan dan mampu dalam meningkatkan kesedaran rakyat berkenaan dengan hak asasi manusia bagi mendapat akses kepada keperluan air dengan selamat serta menjadi panduan kepada pemuliharaan air dan teknologi kepada penguatkuasa tempatan dan sektor-sektor perindustrian."

[Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi]

32. PR-1212-U14607

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sikap tidak profesional Menteri Pelancongan yang membatalkan MoU berkaitan dengan lima buah negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat atas alasan tidak bersefahaman. Dewan ini berpandangan bahawa alasan tersebut bukan sahaja tidak munasabah, bahkan dipengaruhi oleh pemikiran politik kepartian yang amat sempit dan dangkal."

[Menteri Pelancongan]

33. PR-1212-U14617

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian Pelajaran supaya membuat perisytiharan terbuka tentang penggunaan semula Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk subjek sains dan matematik di sekolah. "

[Menteri Pelajaran]

34. PR-1212-U14620

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula AUKU supaya ia selaras dengan hak-hak kebebasan rakyat yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Dewan ini berpandangan sekatan yang dikenakan oleh AUKU ke atas kebebasan pelajar adalah bercanggah dengan Hak Asasi Manusia. "

[Menteri Pengajian Tinggi]

35. PR-1212-U14168

Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [Batu Pahat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong penuh agar cadangan pembinaan pusara Orang Kenamaan yang akan dibuat di ibu kota Kuala Lumpur dibatalkan. Ini kerana projek itu bukan sahaja tidak sesuai bahkan satu pembaziran kepada kawasan tanah yang semakin terhad di ibu kota."

[Perdana Menteri]

36. PR-1212-U14177

Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [Batu Pahat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan Malaysia bertindak segera untuk membangunkan Pulau Pisang termasuk membatalkan perjanjian yang membenarkan Singapura mendirikan rumah api di pulau tersebut."

[Menteri Luar Negeri]

37. PR-1212-U14182

Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [Batu Pahat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya Kerajaan membuat keputusan yang jelas dan tegas untuk mengurangkan kehadiran tenaga kerja asing di Malaysia. Kehadiran yang tidak terkawal itu menyebabkan bukan sahaja menutup peluang pekerjaan kepada orang tempatan tetapi masalah jenayah yang semakin meningkat dan tidak terkawal."

[Menteri Dalam Negeri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2008</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.71	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Bagi Tahun 2008	23 Jun 2008
CMD.8	Laporan Tahunan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (KSP RMKe-9)	23 Jun 2008

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

TARIKH UCAPAN DIBUAT	AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1. 23.6.2008 (Isnin)	1. Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)	1. Kedudukan kes kemalangan Jalan raya melibatkan kenderaan PDRM dan Chen Weng (Simati)	1. Perdana Menteri
2. 23.6.2008 (Isnin)	2. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)	2. Perlunya sistem Infra untuk mengatasi masalah banjir.	2. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.